BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 04/08/12 **EMBARGO: Untuk siaran segera**

SIARAN AKHBAR

Perkembangan Monetari dan Kewangan Mac 2008
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Pasaran kewangan domestik terus mengalami ketidaktentuan berikutan ketidakpastian mengenai prospek pertumbuhan global dan gangguan berterusan dalam pasaran kewangan antarabangsa.

- Permintaan sektor swasta terhadap pembiayaan secara keseluruhan masih terus meningkat dalam keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dan kadar faedah yang secara relatif stabil. Hasilnya, pembiayaan bersih melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul meningkat pada kadar yang lebih pantas iaitu 12.7% pada bulan Mac.

- Permodalan sistem perbankan terus kukuh seperti dicerminkan oleh nisbah modal wajaran risiko dan nisbah modal teras yang stabil serta nisbah pinjaman tak berbayar bersih yang menurun kepada 3.0%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 04/08/12 **EMBARGO: Untuk siaran segera**

SIARAN AKHBAR

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
Mac 2008

Pada bulan Mac, pembiayaan kasar kepada sektor swasta meningkat kepada RM54.3 bilion, disokong oleh pengeluaran pinjaman dan terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) yang lebih tinggi. Pada asas bersih, pembiayaan kepada sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan lebih tinggi sebanyak 12.7%. Jumlah pinjaman sistem perbankan terkumpul meningkat pada kadar tahunan 10% pada akhir bulan Mac. Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman adalah lebih tinggi pada asas bulanan selepas mencatat tahap rendah bermusim pada bulan Februari.

Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif stabil. Kadar deposit tetap juga tidak berubah, manakala kadar pinjaman purata bank perdagangan menurun sedikit.

Ringgit bersama-sama dengan mata wang serantau lain mengalami pergerakan dua hala yang lebih ketara pada tempoh 1 Mac hingga 29 April 2008. Pergerakan ringgit sebahagian besarnya dipengaruhi oleh aliran portfolio berikutan sentimen pelabur yang beralih arah ekoran ketidakpastian mengenai prospek

pertumbuhan ekonomi global disebabkan terutamanya oleh kebimbangan mengenai masalah dalam pasaran kewangan antarabangsa. Mata wang serantau termasuk ringgit, juga menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) disebabkan kelemahan mata wang AS di samping keyakinan yang tinggi terhadap prestasi ekonomi Asia. Bagi tempoh 1 Mac hingga 29 April 2008, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (1.1%), paun sterling (1.0%) dan yen Jepun (0.5%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan euro (-1.9%). Ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau.

Inflasi meningkat sedikit pada 2.8% pada bulan Mac 2008 (Februari: 2.7%). Peningkatan dalam inflasi keseluruhan sebahagian besarnya disebabkan kenaikan harga produk makanan dalam kategori *makanan dan minuman tidak beralkohol*, yang meningkat dengan lebih ketara sebanyak 4.9% (Februari: 4.5%). Kategori *pelbagai barangan dan perkhidmatan* juga mencatat kenaikan harga yang lebih tinggi.

Wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan 12.3% pada akhir bulan Mac. Ini sebahagian besarnya mencerminkan aliran masuk berkaitan perdagangan, perbelanjaan Kerajaan yang bertambah dan pemberian pinjaman bank yang lebih tinggi kepada sektor swasta.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) pada 13.3% pada akhir bulan Mac 2008. Sementara itu, nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih menurun kepada 3.0%.

Kadar faedah terus stabil

Pada tempoh 1 Mac – 29 April, kadar antara bank semalaman purata wajaran harian bergerak dalam julat kecil 3.49% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan tidak berubah pada bulan Mac dan April. Pada 15 April 2008, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan adalah dalam julat 3.08% dan 3.70%. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.72%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) rendah sedikit pada 6.21% pada bulan Mac (6.27% pada bulan Februari).



Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat yang kecil



Kadar antara bank lain hampir tidak berubah



Operasi mudah tunai menguncup pada bulan Mac



Trend menurun ALR bank perdagangan berterusan



Nisbah pembiayaan-deposit dan pinjaman-deposit menjadi sederhana sedikit pada bulan Mac disebabkan pertumbuhan deposit melebihi peningkatan pinjaman

Kadar FD purata tidak berubah



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Feb 08	3.08	3.14	3.28	3.37	3.70
Mac 08	3.08	3.14	3.28	3.37	3.70
15 Apr 08	3.08	3.14	3.28	3.37	3.70

Kadar FD benar 3 bulan lebih rendah



Prestasi ringgit bercampur-campur

Ringgit bersama-sama dengan mata wang serantau lain mengalami pergerakan dua hala yang lebih ketara pada tempoh 1 Mac hingga 29 April 2008. Pergerakan ringgit sebahagian besarnya dipengaruhi oleh aliran portfolio berikutan sentimen pelabur yang beralih arah ekoran ketidakpastian mengenai prospek pertumbuhan ekonomi global, disebabkan terutamanya oleh kebimbangan mengenai masalah dalam pasaran kewangan antarabangsa. Mata wang serantau termasuk ringgit, juga menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) disebabkan

kelemahan mata wang AS di samping keyakinan yang tinggi terhadap prestasi ekonomi Asia.

Bagi tempoh 1 Mac – 29 April 2008, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (1.1%), paun sterling (1.0%) dan yen Jepun (0.5%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan euro (-1.9%). Ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 0.2% hingga 7.8%, namun menyusut nilai berbanding dengan dolar Singapura (-1.2%) dan renminbi China (-0.7%).



Ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama...



… dan berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 07	Feb 08	Mac 08	29 Apr 08	Akhir Dis 07 - 29 Apr 08	Akhir Feb 08 - 29 Apr 08
Dolar AS	3.3065	3.1890	3.1875	3.1535	4.9	1.1
Euro	4.8756	4.8406	5.0369	4.9362	-1.2	-1.9
Paun sterling	6.6070	6.3399	6.3586	6.2745	5.3	1.0
100 yen Jepun	2.9534	3.0431	3.1912	3.0265	-2.4	0.5
Dolar Singapura	2.2938	2.2899	2.3102	2.3186	-1.1	-1.2
100 baht Thailand	9.8159	9.9859	10.108	9.9668	-1.5	0.2
100 peso Filipina	8.0158	7.8819	7.6421	7.4670	7.3	5.6
100 rupiah Indonesia	0.0352	0.0352	0.0346	0.0342	3.0	3.0
100 won Korea	0.3532	0.3400	0.3211	0.3154	12.0	7.8
Renminbi China	0.4527	0.4481	0.4545	0.4513	0.3	-0.7

Inflasi meningkat sedikit pada bulan Mac

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat sedikit pada 2.8% pada bulan Mac (Februari: 2.7%). Peningkatan dalam inflasi keseluruhan sebahagian besarnya disebabkan kenaikan harga produk makanan dalam kategori *makanan dan minuman tidak beralkohol,* yang meningkat dengan lebih ketara sebanyak 4.9% (Februari: 4.5%). Kategori *pelbagai barangan dan perkhidmatan* juga mencatat kenaikan harga yang lebih tinggi. Namun demikian, impak kenaikan harga tersebut terhadap inflasi keseluruhan telah dikurangkan sebahagiannya oleh penurunan harga dalam kategori *pakaian dan kasut* dan *komunikasi*.



Inflasi meningkat sedikit pada bulan Mac disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga makanan



Inflasi harga pengeluar tidak berubah pada bulan Februari

Pada bulan Februari, inflasi harga pengeluar tidak berubah pada 9.4%. Inflasi harga dalam komponen bukan berasaskan komoditi Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat kepada 1.4% pada bulan Februari (Januari: 1.2%) dengan harga dalam kebanyakan kategori mencatat kenaikan yang stabil. Sementara itu, kadar kenaikan komponen IHPR berasaskan komoditi menjadi sederhana sedikit kepada 32.5% (Januari: 33.7%).



Agregat monetari meningkat pada bulan Mac

Pada bulan Mac, wang secara luas atau M3 bertambah sebanyak RM9.9 bilion untuk meningkat 12.3% pada asas tahunan. Peningkatan ini sebahagian besarnya mencerminkan aliran masuk berkaitan perdagangan. M3 juga meningkat disebabkan perbelanjaan Kerajaan yang bertambah dan juga pemberian pinjaman bank yang lebih tinggi kepada sektor swasta. Walau bagaimanapun, faktor-faktor ini dikurangkan sebahagiannya oleh impak penguncupan dalam kategori *pengaruh lain*.

M1 meningkat sebanyak RM1 bilion mencerminkan deposit permintaan yang lebih tinggi oleh sektor perniagaan pada bulan Mac.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Dis 07	**Jan 08**	**Feb 08**	**Mac 08**
M3	24.3	35.0	8.6	9.9
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	13.0	2.4	-4.7	4.0
Tuntutan ke atas sektor swasta	-4.6	8.7	4.1	4.5
Pinjaman	*-10.3*	*7.3*	*5.4*	*3.7*
Sekuriti	*5.7*	*1.4*	*-1.3*	*0.8*
Operasi luar bersih *	6.4	21.0	19.5	5.9
Pengaruh lain	9.5	2.9	-10.4	-4.4

* Sebelum penilaian semula

M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.



Deposit sistem perbankan terus meningkat

Jumlah deposit dengan sistem perbankan terus meningkat sebanyak RM11 bilion atau peningkatan tahunan 8.4% (Februari: RM7.3 bilion; 7.6%). Peningkatan ini terutamanya mencerminkan penempatan deposit yang lebih tinggi oleh perusahaan perniagaan, institusi kewangan dan sebahagian kecilnya oleh pihak berkuasa berkanun. Peningkatan deposit ini sebahagiannya mencerminkan pembawaan balik hasil eksport yang lebih tinggi pada bulan itu. Mengikut jenis, peningkatan deposit adalah terutamanya dalam bentuk deposit perbankan Islam, deposit tetap dan deposit jangka pendek lain.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Dis 07	**Jan 08**	**Feb 08**	**Mac 08**
Kerajaan Persekutuan	260	-141	724	-244
Kerajaan Negeri	-1,024	-147	1,362	129
Badan Berkanun [1]	2,049	-476	-621	1,362
Institusi Kewangan	15,757	3,088	3,800	2,692
Perusahaan Perniagaan	10,653	16,768	-1,586	5,026
Individu	3,966	4,866	5,187	584
Lain-lain [2]	-1,518	1,832	-1,592	1,453
Jumlah	30,144	25,790	7,273	11,002

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Dis 07	**Jan 08**	**Feb 08**	**Mac 08**
Deposit tetap	-997	528	-875	3,944
NID	8,563	-5,132	-3,341	-737
Deposit permintaan	6,847	3,861	-2,135	457
Deposit tabungan	1,143	1,201	1,697	-957
Perjanjian beli balik (Repo)	665	-680	2,631	-1,109
Deposit mata wang asing	-1,284	2,385	714	-1,183
Deposit SPI	7,021	6,423	1,156	6,350
Lain-lain[1]	8,186	17,206	7,426	4,236
Jumlah	30,144	25,790	7,273	11,002

1/ Lain-lain deposit merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

Pembiayaan kasar sektor swasta lebih tinggi

Pembiayaan kasar kepada sektor swasta oleh sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM54.3 bilion pada bulan Mac (Februari: RM47.4 bilion). Peningkatan ini disokong oleh pengeluaran pinjaman dan terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) yang lebih tinggi. Pada asas bersih, pembiayaan kepada sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 12.7% (Februari: 12.2%).



Pembiayaan kasar sektor swasta berjumlah RM54.3 bilion



Penunjuk pinjaman utama lebih tinggi pada asas bulanan

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	Feb-08	Mar-08	Feb-08	Mar-08
Jumlah				
Permohonan pinjaman	32.0	40.6	41.9	20.4
Kelulusan pinjaman	21.1	24.4	47.7	8.9
Pengeluaran pinjaman	46.0	50.7	19.3	15.7
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	5.5	4.2	9.8	10.0
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	15.9	21.0	33.0	7.5
Kelulusan pinjaman	11.1	12.7	49.1	-9.4
Pengeluaran pinjaman	32.0	35.8	20.2	17.7
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	4.6	1.2	12.0	11.6
PKS[2/]				
Permohonan pinjaman	7.7	8.7	30.1	18.3
Kelulusan pinjaman	3.4	4.6	5.4	10.5
Pengeluaran pinjaman	13.6	13.0	39.4	7.1
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.6	1.1	12.7	10.7
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	16.1	19.6	51.9	38.1
Kelulusan pinjaman	10.0	11.7	46.2	39.3
Pengeluaran pinjaman	14.0	14.9	17.4	11.0
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.0	1.8	7.8	8.0

Penunjuk pinjaman meningkat pada asas bulanan, meliputi sektor perniagaan dan isi rumah

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu



Pengeluaran pinjaman terus menyeluruh

Semua penunjuk pinjaman utama meningkat pada bulan Mac selepas tahap rendah bermusim pada bulan Februari. Pada bulan Mac, permohonan pinjaman yang lebih tinggi untuk tujuan pembayaran daripada sektor perniagaan adalah terutamanya daripada sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; pembinaan; dan perkilangan. Namun, pada asas tahunan, penunjuk pinjaman meningkat sederhana disebabkan tahap tinggi luar biasa pada bulan Mac 2007. Dalam sektor isi rumah, permohonan terhadap pembiayaan adalah terutamanya untuk pembelian harta kediaman dan kereta penumpang.

Jumlah pinjaman terkumpul meningkat 10% pada asas tahunan pada akhir bulan Mac (akhir bulan Februari: 9.8%). Mengikut pelanggan, pinjaman terkumpul sektor perniagaan dan sektor isi rumah masing-masing meningkat 11.6% dan 8% (Februari: masing-masing 12% dan 7.8%).

Dana diperoleh dalam pasaran modal terus meningkat

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM2.6 bilion pada bulan Mac. Dana kasar yang diperoleh dalam pasaran sekuriti hutang swasta adalah sebanyak RM5.4 bilion, termasuk RM2.5 bilion yang diterbitkan oleh tiga syarikat bukan pemastautin. Selepas membuat penyelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM2.6 bilion. Sementara itu, dana diperoleh dalam sektor awam mencatat penebusan bersih sebanyak RM8.1 juta, meskipun dana kasar yang diperoleh berjumlah RM5.6 bilion berikutan pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia 10 tahun dan Terbitan Pelaburan Kerajaan.



1/ Termasuk Cagamas Bon

KLCI turun naik pada bulan Mac

Prestasi KLCI turun naik pada bulan Mac 2008 mencerminkan ketidaktentuan dalam pasaran ekuiti global dan perkembangan dalam negeri. Namun demikian, pengurangan 75 mata asas dalam kadar Fed Funds AS pada 18 Mac telah mengurangkan kebimbangan yang menyelubungi pasaran global. Pada bulan Mac, KLCI ditutup lebih rendah pada 1,247.5 mata (sejak akhir bulan Februari: -8.1%). Permodalan pasaran menurun kepada RM952.3 bilion (sejak akhir bulan Februari: -7.4%), manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 814.2 juta unit (Februari: 794.3 juta unit).



KLCI turun naik pada bulan Mac

Pada 29 April, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,283.7 mata (sejak akhir bulan Mac: +2.9%). Permodalan pasaran keseluruhan lebih tinggi pada RM976.6 bilion (sejak akhir bulan Mac: +2.7%), manakala aktiviti dagangan lebih rendah dengan urus niaga purata harian pada 583.6 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM384.6 bilion (bersamaan dengan USD120.3 bilion) pada 31 Mac 2008. Paras rizab ini telah mengambil kira pengurangan nilai rizab disebabkan pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama pada suku pertama. Pada 15 April 2008, rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM390.1 bilion (bersamaan dengan USD122 bilion). Paras rizab ini memadai untuk membiayai 9.7 bulan import tertangguh dan ialah 7.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Permodalan kukuh dalam keadaan pinjaman tak berbayar yang terus menurun

Permodalan sistem perbankan terus kukuh. Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras adalah tinggi, masing-masing pada 13.3% dan 10.3%, meskipun terdapat pengagihan keuntungan oleh beberapa institusi perbankan. Nisbah NPL bersih pula terus menurun daripada 3.2% kepada 3.0% disebabkan hapus kira yang berterusan dan kutipan semula pinjaman yang menggalakkan.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	2000	2001	2002	2003	2004	2006	2007	Jan 08	Feb 08	Mac 08
Modal (%)										
Nisbah modal teras	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.2	10.6	10.5	10.3
RWCR	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.2	13.5	13.4	13.3
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	11.5	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	3.2	3.1	3.2	3.0
Jumlah (RM juta)	46,254	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	20,081	19,651	20,193	19,038
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.1	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.



Paras permodalan sistem perbankan terus kukuh …



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

…manakala paras NPL terus menurun

Bank Negara Malaysia
30 April 2008

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Jan 08		Feb 08		Mac 08	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		69.6	18.2	67.7	13.4	65.5	11.7
M1		175.6	21.6	172.6	15.5	173.6	20.0
M2		828.2	11.2	835.4	10.5	845.1	12.1
M3		867.8	11.8	876.4	11.1	886.3	12.3
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		894.7	7.9	901.9	7.6	912.9	8.4
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		651.9	9.4	657.3	9.8	661.6	10.0
Nisbah pinjaman-deposit (%)		71.0		71.2		70.8	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		79.2		79.1		78.7	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		40.0	46.4	32.0	41.9	40.6	20.4
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		26.5	61.3	21.1	47.7	24.4	8.9
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		54.5	16.5	46.0	19.3	50.7	15.7
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		49.4	15.7	43.3	21.2	46.1	16.4
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.5		13.4		13.3	
NPL bersih: Klasifikasi 3 bulan (%)		3.1		3.2		3.0	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		361.6		384.1		384.6	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		109.3		116.3		120.3	
Bilangan bulan import tertangguh		9.1		9.5		9.5	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.49 [3.50]		3.49 [3.50]		3.50 [3.50]	
	Seminggu	3.54 [3.52]		3.53 [3.52]		3.52 [3.52]	
	1 bulan	3.55 [3.55]		3.55 [3.55]		3.55 [3.55]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.08		3.08		3.08	
	3 bulan	3.15		3.14		3.14	
BLR bank perdagangan		6.72		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		6.27		6.27		6.21	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		107.5	2.3	107.9	2.7	107.9	2.8
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		138.1	9.4	139.0	9.4	0.0	0.0
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.2360		3.1890		3.1875	
Euro		4.8030		4.8406		5.0369	
Paun Sterling		6.4210		6.3399		6.3586	
100 Yen Jepun		3.0411		3.0431		3.1912	
Dolar Singapura		2.2814		2.2899		2.3102	
100 Baht Thailand		9.797		9.9859		10.1078	
100 Peso Filipina		7.9655		7.8819		7.6421	
100 Rupiah Indonesia		0.0348		0.0352		0.0346	
100 Won Korea		0.3421		0.3400		0.3211	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	7.1		3.6		0.0	
	swasta	-0.9		0.1		2.6	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,393.3		1,357.4		1,247.5	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		1,057.3		1,028.3		952.3	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.